

Polisi Pemberi Maklumat

Prasarana Malaysia Berhad menguatkuasakan Polisi ini untuk menyediakan mekanisma kepada kakitangan kumpulan dan bukan kakitangan untuk melapor apa jua perilaku tidak beretika, tidak betul atau disyaki tidak betul, tidak amanah atau pelanggaran kod etika perniagaan.







Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat

Polisi Pemberi Maklumat melindungi dan merahsiakan identiti pemberi maklumat. Polisi ini juga melindungi pemberi maklumat sebaik sahaja selepas pendedahannya tentang salah laku diterima. Jenis perlindungan yang diberikan adalah seperti berikut:

- (1) Perlindungan daripada maklumat rahsia
- (2) Kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah
- (3) Perlindungan daripada sebarang tindakan buruk seperti dibuang kerja, tidak mendapat kenaikan gaji dan sebagainya. Perlindungan akan dipanjangkan kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau berkaitan dengan pemberi maklumat.

Saluran Aduan

Saluran membuat aduan adalah seperti berikut:

	Email integrity.prasarana@prasarana.com.my		Talian Bebas Tol 1-800-88-2299
	Telefon 03-22991999 Ext. 1995 & 1114		Faks 03-22991981
	Surat Ketua Pegawai Integriti Integrity & Governance Unit Prasarana Malaysia Berhad Level 21, Tower B Menara UOA Bangsar 52000 Kuala Lumpur		Hadir Ke Pejabat Ketua Pegawai Integriti: Level 21, Tower B, Menara UOA Bangsar

Maklumat yang Diperlukan Ketika Membuat Aduan

- (1) Nama, no. telefon, alamat surat menyurat dan email pelapor
- (2) Nama, no. telefon, alamat surat menyurat individu yang dilapor
- (3) Penerangan bagaimana, mengapa dan di mana salah laku berlaku; dan
- (4) Bukti atau maklumat yang diperlukan untuk menyokong dalam penyiasatan

****Kriteria utama laporan ialah maklumat yang betul berasaskan kepada bukti dan bukannya untuk kepentingan peribadi mana-mana pihak***